

# PEMBATALAN PEMBIAYAAN



Peminjam yang terlibat dengan projek terbengkalai/ bermasalah boleh mengemukakan permohonan pembatalan dan pengecualian faedah dengan syarat projek berkenaan telah disahkan terbengkalai/ bermasalah oleh KPKT. Bagi pembatalan selain dari sebab di atas, kelulusan pembatalan adalah tertakluk kepada persetujuan LPPSA.

## PROSES PERMOHONAN

! Permohonan pembatalan TIDAK DIBENARKAN bagi bayaran kemajuan yang telah dikeluarkan 100%

- Peminjam perlu mengemukakan surat permohonan pembatalan pembiayaan kepada LPPSA.



**DOKUMEN TAMBAHAN:**  
Bagi permohonan pembatalan disebabkan projek **TERBENGKALAI/ BERMASALAH/ SAKIT**, surat pengesahan daripada KPKT perlu dikemukakan bersama permohonan.

- Surat kelulusan pembatalan akan dikeluarkan melalui e-mel dan pos kepada PEMINJAM, PEGUAM, PEMAJU dan KETUA JABATAN.



## IMPLIKASI PEMBATALAN

- Peminjam perlu membayar balik Premium Insurans/ Gadaijanji dan apa-apa bayaran yang telah dikeluarkan LPPSA.
- Peminjam perlu menyelesaikan baki hutang secara sekaligus dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh pembatalan atau pihak LPPSA akan mengeluarkan notis arahan potongan gaji/ pencen.
- LPPSA tidak akan mengeluarkan baki bayaran kemajuan (balance progress payment) dan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa tuntutan daripada pemaju/ kontraktor setelah permohonan pembatalan diluluskan.

- Sekiranya hanya pengeluaran bayaran MRTA/ MRTT dan harta tanah telah dilaksanakan:-
  - Peminjam yang memohon membatalkan pembiayaan pertama adalah dibenarkan memohon pembiayaan pertama semula selepas menyelesaikan baki hutang tetapi tidak dibenarkan mendapat kemudahan pembiayaan kedua;
  - Peminjam yang memohon membatalkan pembiayaan bagi harta tanah kedua, adalah tidak dibenarkan memohon semula pembiayaan.
- Peminjam perlu menjelaskan sepenuhnya baki pembiayaan jika ingin memohon pembiayaan LPPSA yang baharu.

\* Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Pekeling dan Garis Panduan Pembiayaan Perumahan LPPSA yang berkuatkuasa.